

# Pekadin cadang UMS jalankan kajian menyeluruh populasi Pala'u asal

UB 4.2.2014 B2

KOTA KINABALU. Persatuan Kebajikan dan Pendidikan Kadazandusun Murut Sabah (Pekadin) mencadangkan agar Universiti Malaysia Sabah (UMS) menjalankan kajian akademik secara mendalam mengenai populasi masyarakat Pala'u (Bajau Laut) di kawasan Pantai Timur Sabah, khususnya di perairan Semporna.

Naib Presidennya Luis Lidong (*gambar*) berkata, walaupun kajian sebelum ini sudah dibuat di pulau-pulau tertentu termasuk Pulau Gusungan di perairan Semporna, namun terdapat keperluan untuk membuat penyelidikan secara

keseluruhan masyarakat Pala'u di perairan pantai timur Sabah, kerana jumlah mereka kini semakin meningkat.

Sambil mengambil contoh kewujudan masyarakat Pala'u di Semporna, beliau berkata berdasarkan maklumat penduduk tempatan di situ masyarakat Pala'u pada asalnya hanya mendiami beberapa pulau di perairan Semporna termasuk sekitar perkampungan air Bangau-Bangau, namun masyarakat itu kini boleh dilihat di merata tempat di perairan Semporna.

"Masyarakat Pala'u juga dikatakan tidak mempunyai sebarang dokumen dan oleh itu

ada baiknya satu penyelidikan terperinci dibuat apatah lagi, jumlah mereka kini semakin bertambah.

"Ramai rakyat Sabah khususnya orang asal ingin tahu jumlah sebenar orang Pala'u 'asal' yang sudah lama menetap atau menjalani kehidupan harian dalam bot di perairan Semporna, kerana mereka risau mungkin ada orang Pala'u dari negara jiran yang cuba meresap dalam kalangan Pala'u asal di Semporna, tanpa disedari," katanya dalam kenyataan, di sini, hari ini.

Luis berkata hasil kajian itu bukan sahaja menjadi bahan rujukan kepada cendekiawan atau penyelidik di pusat



pengajian tinggi tetapi juga menjadi petunjuk kepada pihak berkuasa atau kerajaan untuk membuat tindakan susulan terutama daripada aspek keselamatan.

Sehubungan itu, katanya,

Pekadin berharap kerajaan, khususnya Jabatan Imigresen dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) supaya menimbang memberikan 'dokumen khas' kepada penduduk Pala'u asal bagi membendung kehadiran orang Pala'u baru daripada negara jiran.

"Pekadin percaya orang-orang tua Pala'u asal mengenali generasi Pala'u asal yang sudah sekian lama hidup di perairan Semporna," katanya sambil menambah bahawa Jabatan Perangkaan boleh membantu membanci penduduk Pala'u asal di pantai timur Sabah.

Beliau berkata pendekatan baru itu wajar

diberi pertimbangan memandangkan ketiadaan dokumen yang khusus 'berkemungkinan akan memberi ruang kepada orang Pala'u baru dari kepulauan negara jiran misalnya Pulau Sitangkai (Filipina) menyerap orang Pala'u baru daripada negara ini," katanya.

Sehubungan itu, beliau berharap Jabatan Imigresen dan JPN dapat segera mendokumentasikan orang Pala'u asal dengan memberikan kad pengenalan diri Pala'u asal.

Luis juga berharap pihak Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (Esscom) dapat membantu menjayakan usaha murni ini.

"Kita tidak mahu orang Pala'u yang tidak berdokumen (yang sentiasa menetap dalam bot) diambil kesempatan oleh pihak tidak bertanggungjawab atau penjenayah sebagai "laluan mudah" untuk mereka masuk dan keluar daripada perairan negara ini," katanya.

Sehubungan itu, beliau berharap Jabatan Imigresen dan JPN dapat segera mendokumentasikan orang Pala'u asal dengan memberikan kad pengenalan diri Pala'u asal.

Luis juga berharap pihak Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (Esscom) dapat membantu menjayakan usaha murni ini.